

02 SEP 2001

Mahathir-Pelajar

KERAJAAN AKAN BANTERAS GERAKAN BAWAH TANAH DI UNIVERSITI

LANGKAWI, 2 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu usaha bersepadu perlu dilaksanakan bagi mengenalpasti mereka yang mempengaruhi pelajar melibatkan diri dalam gerakan bawah tanah untuk menjatuhkan kerajaan.

"Kita harus membanteras mereka ini. Jika mereka sebahagian daripada warga universiti, kita perlu menyekat kegiatan mereka," katanya kepada pemberita selepas lawatan sehari di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan akhbar hari ini mengenai beberapa pelajar universiti dikatakan terlibat dengan satu gerakan bawah tanah yang sistematik untuk menjatuhkan kerajaan.

Dr Mahathir berkata: "Kita perlu mengenalpasti mereka. Kebanyakan mereka ini ada hubungan dengan mereka yang sepatutnya mengajar agama tetapi tidak mengajar ilmu agama sebaliknya mengajar politik."

Ditanya sama ada kerajaan mengetahui jumlah mereka yang terlibat dalam kegiatan seumpama itu, Dr Mahathir berkata: "Kita mempunyai sedikit gambaran."

Laporan akhbar hari ini memetik pengakuan seorang bekas pelajar Universiti Teknologi Malaysia mengenai penglibatannya dengan satu gerakan bawah tanah di institusi pengajian tinggi awam untuk mempengaruhi pendirian politik pelajar Melayu supaya berjuang menjatuhkan kerajaan.

Dr Mahathir berkata kerajaan sudah menjangka ada gerakan seperti itu yang membakar semangat pelajar untuk membenci kerajaan.

"Apabila kita bakar semangat golongan muda, tak dapat tidak, mereka akan mencari cara sendiri untuk mencapai matlamatnya", katanya.

Beliau berkata golongan seperti itu, jika terpaksa, akan menggunakan cara ganas untuk mencapai matlamat mereka.

"Ini bahaya, kerana bila bakar semangat kononnya kerajaan sekarang tidak Islam, kafir dan dipimpin oleh dajal... ini dahsyat punya tuduhan yang tidak punya asas sama sekali," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata golongan penghasut itu bergiat menggunakan agama kerana mereka tahu, tidak ada yang berani menghalang mereka kerana mereka akan mendakwa sesiapa yang menentang mereka sebagai tidak Islam.

Mereka menggunakan pelbagai cara untuk memikat pelajar sebagai contoh sebelum hari peperiksaan, pelajar yang sepatutnya mengulangkaji atau tidur telah dipaksa menghadiri ceramah hingga ke pagi.

Dr Mahathir mengulangi rasa kesalnya kerana perkara negatif seperti itu sering melibatkan pelajar Melayu.

Ini merupakan satu kerugian kepada negara kerana kerajaan telah memperuntukkan belanja yang banyak untuk kemudahan mereka tetapi mereka diganggu oleh pihak tertentu sehingga menjejaskan pelajaran mereka, katanya.

-- BERNAMA

NH RON